

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
JALAN CENDERASARI  
KUALA LUMPUR

Bil. (11) dlm. KKM-82/2/6

7 hb Disember, 1983

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,  
Negeri .....

Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah/Sarawak.

Semua Pengarah Yayasan.


SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.10/1983

- (1) Ubat Insulin Dari Babi
  - (2) Penggunaan Prosidur Defibrillation
- 

Perkara yang tersebut diatas telah dirujuk kepada Majlis  
... Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan bersama  
ini saya sertakan salinan surat Setiausaha Majlis tersebut  
untuk makluman dan panduan.

Sekian, terimakasih.

Saya yang menurut perintah,

  
Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan  
Ketua Pengarah Kesihatan

s.k: YB Menteri Kesihatan.  
YB Timbalan Menteri Kesihatan.  
YB Setiausaha Parlimen.  
Ketua Setiausaha.  
Semua Ketua Bahagian.



MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL  
UGAMA ISLAM MALAYSIA

Alamat: Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Ugama) 101, Jalan Duta, Kuala Lumpur, Malaysia

Bilangan Kita: JPM(U)/6/041 (6)

No. Telefon: 927222

Bilangan Surat:

21hb. November, 1983

16hb. Safar, 1404.

DENGAN TANGSAN

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Jalan Cenderasari,  
Kuala Lumpur.

(u.p. Haji (Dr.) Ahmad Tajuddin Jaafar)

Tuan,

D.C. (Defibrillation) Dan Highly  
Purified Insulin Dari Babi

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan berikut ini dikemukakan pendapat-pendapat Jawatankuasa Fatwa hasil dari Muzakarah yang telah diadakan pada 10hb. Oktober, 1983.

(a) Penyuntikan Highly Purified Insulin  
Berpunca Dari Babi

"Berpandu kepada kaedah Fukahah bahawa berubat dengan benda-benda yang asalnya najis tidak harus, kecuali di dalam keadaan darurat dan bajat, maka Jawatankuasa bersetuju dengan pendapat seperti berikut:-

Hukum menyuntikan Insulin daripada najis Mughallazhah (babi) bagi tujuan perubatan penyakit kencing manis adalah harus kerana darurat, Begitu juga hukuman bagi mereka yang menjalankan penyuntikan dengannya."


(b) Amalan Menggunakan Alat Direct  
Current Shock

" Jawatankuasa mengambil perhatian bahawa penggunaan alat D.C. Shock dalam bidang perubatan merupakan pertolongan segera bagi memulihkan denyutan jantung manusia sebagai ikhtiar terakhir menyelamatkan nyawa. Ianya adalah satu cara pertolongan cemas yang diharuskan oleh Syarak, dan tidaklah menyalahi Syarak bagi mereka yang melakukannya."

2. Pendapat Jawatankuasa Fatwa seperti yang tersebut di atas itu bukanlah suatu Fatwa resmi. Walau bagaimanapun ianya merupakan pendapat sekata yang dipersetujui oleh para Mufti Negeri-Negeri dan juga Ulama yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja menganggotai Jawatankuasa Fatwa. Dengan yang demikian pendapat Jawatankuasa ini bolehlah diambil maklum untuk dijadikan panduan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Sekianlah,

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

  
Saya yang memurut perintah,

(TAHIR BIN HJ. AHMAD)  
b.p. Setiausaha,  
Majlis Kebangsaan Bagi Hal  
Uluwal Uqama Islam, Malaysia.

P.S. Bersama-sama ini dilampirkan muka pertama surat bertarikh May 10, 1983 kepada Dr. Mustafa bin Sabang.

THA/na